

Usaha utk mendokumentasikan silat ada baiknya disegerakan

SILAT ialah seni mempertahankan diri yang telah diwarisi sejak zaman berzaman di Singapura, Malaysia dan Indonesia.

Seperti lain-lain seni pertahanan diri - judo aikido, karate, tae kwon do, madu, gusti dan kung fu, silat terletak di bawah pengawasan Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri atau lebih singkat (MACU).

Bagi silat-silat Melayu pula yang berdaftar dengan MACU semuanya telah menjadi kerabat Persekutuan

15 FEB 1979

Silat Singapura atau Persisi yang dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah memainkan peranan penting bagi memajukan seni itu.

Perhatian sepintas lalu menunjukkan bahawa berbagai jenis seni pertahanan diri tadi - hampir semuanya telahpun mempunyai sistem gred yang teratur dan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Lebih jelas lagi bagi seni-seni seperti tae

kwon do, karate dan judo - setiap peringkat dalam penguasaan seseorang pelatih itu telah ditetapkan dan terdapat satu persamaan atau "unifomiti".

Berbeza

Tetapi keadaan yang berbeza dapat dilihat dalam seni silat yang kecuali bagi satu atau dua jenis hampir kesemuanya belum lagi terkandung dalam satu susunan yang benar-benar teratur seperti seni-seni yang lain.

Kita pergi saja di sebuah kedai buku dan kita boleh dapat berbagai buku untuk berbagai peringkat seni seperti tae kwon do, karate dan judo, tetapi tidak bagi silat.

Seni-seni di atas ini sejak dulu lagi telah disibar-luas dan dipopulardengan segala perinciannya dibukukan untuk pengetahuan umum para pelatihnya.

Berbeza dengan silat di mana - menurut ramai pengkaji - masih banyak aspek yang

tidak diturunkan oleh mahaguru-mahagurunya kepada anak-anak muridnya, kecuali seorang dua yang terpilih.

Tambahan pula tidak ada satu usaha yang sungguh-sungguh untuk mengkaji dan membukukan sesuatu cabang silat itu bagi pengetahuan umum.

Silat juga berbeza dengan lain-lain seni pertahanan diri kerana ia mempunyai dua cabang - yang hanya menggunakan penguasaan jasmani dan yang mendapat sumber batin.

Guru silat yang dipecat badan boleh mengajar

15 FEB 1979

PEMECATAN seseorang guru silat dari menjadi anggota sesebuah badan tidak bererti guru tersebut tidak boleh meneruskan kegiatannya mengembangkan seni keahlian itu kepada orang-orang selagi dia memiliki surat kebenaran dari Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu).

Seorang guru silat boleh mengajar kesenian itu dengan syarat dia memiliki sijil kebolehan dari Macu dan hanya setelah lesen itu ditarik balik barulah dia diharamkan dari terus mengajar, demikian difahamkan semalam.

Sumber-sumber yang dipercayai menjelaskan bahawa walaupun seseorang guru silat yang menjadi anggota sesebuah badan budaya itu tertakluk pada peraturan perlembagaan badan berkenaan, tetapi lesennya adalah sah selagi dibenarkan oleh Macu.

Kekecohan telah timbul baru-

baru ini bila seorang guru silat berdaftar digantung dari keanggotaan badan tersebut dan badan berkenaan pula tidak mahu membenarkan guru silat itu meneruskan kegiatannya.

Selisih faham

Pihak Macu, yang mempunyai hak mutlak dalam penentuan memberi atau menarik semula lesen guru berkenaan menjelaskan bahawa hal tersebut adalah perkara dalam badan itu dan pihaknya tidak campurtangan.

Jurucakap Macu itu menegaskan bahawa pihaknya hanya akan menarik semula lesen guru silat sekiranya dia melanggar peraturan yang termaktub dalam Akta Seni Pertahanan Diri dan tidak pula kerana guru itu berselisih faham dalam pertubuhan yang dianggotainya.

Seorang jurucakap Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) ketika dihubungi menyeru kedua belah pihak yang terlibat (badan itu dan

guru silat tadi) supaya merujukkan perkara tersebut kepada Jawatan Kuasa Disiplin Persisi supaya ia dapat diselesaikan dengan jalan yang sebaik-baiknya.

Jurucakap Persisi itu selanjutnya menekankan bahawa pihaknya akan menimbangkan semua aspek yang terbabit kekecohan itu dan mencari jalan lurus ke arah satu penyelesaian muktamad.

Terburu-buru

Dia kemudian menasihatkan badan-badan silat tempatan supaya jangan terburu-buru mengambil tindakan menggantung atau memecat seseorang anggotanya sebelum merujukkan perkara tersebut kepada Persisi dulu.

Mereka seharusnya menghubungi Persisi untuk mendapatkan nasihat mengenai satu-satu masalah yang timbul sebelum bertindak, kerana tindakan yang terburu-buru akan membawa pada keadaan yang menyukarkan seperti mana yang berlaku sekarang.

15 FEB 1979

Bagaimanapun usaha ke arah mendokumentasikan silat telah pun dimulakan di Indonesia dan Malaysia dan tidak beberapa lama dulu langkah yang sama telah disuarakan akan diambil oleh Persisi.

Tetapi sejauh mana kemajuan telah dicapai ke arah itu masih belum diketahui. Baru-baru ini telah terdengar ura-ura Persisi hendak menganjur peraduan silat di antara kawasa-nundi.

Banyak masalah yang akan timbul memandangkan banyaknya jurusan silat yang diamalkan di sini. Mungkin lebih baik jika ia dapat mengatasi programnya satu demi satu untuk mencapai kesan yang lebih baik lagi.